

SPEKIFIKASI PIAWAIAN DAN GRED KOBIS BULAT**Standard FAMA : FS007 – 2000****1. SKOP**

Spesifikasi piawaian dan gred ini akan meliputi Kobis Bulat (*Brassica oleracea* var. *capitata* Linn) yang dipasarkan termasuk kobis tempatan dan fBulat yang diimport.

2. DEFINISI TERMA

Bagi tujuan spesifikasi tersebut, terma-terma yang digunakan akan bermaksud:

- 2.1 *Perapian* – membuang daun pelindung (wrapper leaves) yang berwarna kekuning-kuningan, daun yang reput, kering dan rosak yang menjejaskan keseluruhan rupa. Bahagian tangkai hendaklah dipotong samada 10 mm atau kurang daripada daun pengasuh terakhir
- 2.2 *Segar* – Daun Kobis Bulat tersebut kelihatan masih tegar dan rangup, tidak kelihatan layu atau kecut.
- 2.3 *Kotor* –Kesan bahan-bahan asing seperti tanah ataupun najis atau terdapat warna selain warna asal kobis tetapi tidak termasuk kesan kapur untuk pencegahan proses pembusukan.
- 2.4 *Kecacatan* – Kobis Bulat yang mempunyai tanda-tanda yang menjejaskan keseluruhan rupa termasuk kotor dan tidak dirapikan.
- 2.5 *Rosak* - Sebarang kecederaan fizikal yang terdapat pada kobis (daun atau tangkai) yang akan menjejaskan jangka hayat, keseluruhan rupa, pemakanan dan kualiti seperti:
 - 2.5.1 Kerosakan semula jadi - kobis retak/merekah/pecah di bahagian tangkai dan kepalanya akibat terlalu tua atau perubahan cuaca.
 - 2.5.2 Kerosakan mekanikal - kelopak daun pecah atau koyak atau terdapat kesan kecederaan akibat geseran dan tercucuk benda tajam atau terdapat kesan lebam akibat himpitan.
 - 2.5.3 Kerosakan perosak - Kobis Bulat tersebut mempunyai kesan gigitan atau ditebuk serangga perosak pada dedaun kobis.
 - 2.5.4 Penyakit - terdapat kesan penyakit pada kepala kobis atau hujung tangkai kobis menjadi berair dan berwarna hitam akibat jangkitan organisma mikro.

3. KEPERLUAN MINIMUM

- 3.1 Agak bebas daripada kecacatan dan rosak disebabkan kecederaan mekanikal, faktor semula jadi, serangga atau penyakit dan sesuai untuk dimakan oleh manusia.
- 3.2 Telah mencapai peringkat kematangan yang dikehendaki oleh pasaran.
- 3.3 Kobis Bulat yang telah dibuat perapian (trimming) minimum.

4. PENGELASAN GRED DAN SAIZ

4.1 Kobis Bulat dikelaskan kepada tiga (3) gred, bergantung kepada keadaan dan ciri-ciri gred seperti jadual berikut:-

Gred	Spesifikasi	Kelonggaran (Maksimum)
Premium	Kobis Bulat dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, agak padu, segar, bersih dan mempunyai saiz yang seragam. Ia juga mestilah bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Segar $\leq 5\%$ Rosak $\leq 5\%$ Kecacatan $\leq 5\%$ Keseragaman saiz $\leq 5\%$
1	Kobis Bulat dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, agak padu, segar, bersih dan mempunyai saiz yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Segar $\leq 5\%$ Rosak $\leq 5\%$ Kecacatan $\leq 10\%$ Keseragaman saiz $\leq 10\%$
2	Kobis Bulat dalam kelas ini mestilah daripada varieti yang sama, agak padu, segar, bersih dan mempunyai saiz yang seragam. Ia juga mestilah agak bebas dari kecacatan atau kerosakan.	Segar $\leq 10\%$ Rosak $\leq 10\%$ Kecacatan $\leq 10\%$ Keseragaman saiz $\leq 10\%$

4.2 Bagi Kobis Bulat, saiz ditentukan oleh berat dalam unit kilogram (kg) sepertimana jadual berikut;

Saiz	Kod	Berat (kg)
Besar	L	> 1.3
Sedang	M	$> 0.5 - 1.3$
Kecil	S	< 0.5

Rujukan Standard : Specification for Cabbage MS 892 (1984)

5. PEMBUNGKUSAN DAN PELABELAN

5.1 Pembungkusan

- 5.1.1 Kobis Bulat daripada gred yang sama hendaklah dibungkus menggunakan bekas yang sesuai supaya dapat memberi perlindungan yang optimum daripada kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.2 Kertas atau bahan lain yang digunakan untuk membalut atau mengalas hendaklah bersih dan tidak akan menyebabkan kerosakan semasa pengendalian dan pengangkutan.
- 5.1.3 Berat bersih yang dibenarkan bagi satu unit pembungkusan ialah tidak melebihi 30 kg.

5.2 Pelabelan.

Tiap-tiap unit pembungkusan hendaklah dilabel yang mengandungi maklumat berikut:

- 5.2.1 Tarikh:
- 5.2.2 Nama/Kod Penanam
- 5.2.3 Nama/Kod pengeksport
- 5.2.4 No. Kad Pengenalan
- 5.2.5 No. Pendaftaran syarikat
- 5.2.6 Alamat
- 5.2.7 Komoditi
- 5.2.8 Berat bersih
- 5.2.9 Gred

6. PERSAMPELAN

Bilangan sampel dan kaedah persampelan bagi tujuan pemeriksaan adalah berdasarkan kepada MS 1187 “Method of Sampling For Fresh Vegetables”, atau kaedah statistik yang dipersetujui.